

27 JAN 2000

Ali-WAY

PEMILIHAN SEMULA ALI RUSTAM PRESIDEN WAY PENGHORMATAN KPD BELIA M'SIA

SHAH ALAM, 27 Jan (Bernama) -- Kejayaan Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamed Ali Rustam mengekalkan jawatan Presiden Persidangan Belia Sedunia (WAY) tanpa bertanding merupakan satu pengiktirafan besar terhadap kepimpinan belia Malaysia.

Presiden Majlis Belia Malaysia Saifuddin Abdullah berkata pemilihan itu merupakan satu pengiktirafan besar terhadap keupayaan kepimpinan belia Malaysia yang dilihat sangat berwibawa oleh para perwakilan WAY.

Ali dipilih semula memimpin badan itu pada persidangan WAY semalam dan akan memegang jawatan itu untuk tempoh 2000-2004.

Saifuddin ditemui pada jamuan malam perpisahan bagi 155 peserta daripada 24 negara yang menghadiri persidangan belia dunia itu di kediaman Presiden Majlis Belia Selangor (MBS) Datuk Haji Abdul Rahman Palil yang diadakan serentak dengan sambutan Aidil Fitri MBS.

Abdul Rahman pula berkata pemilihan Ali memang wajar kerana selama ini pun pertubuhan belia di banyak negara khasnya negara membangun mengagumi dan ingin mencontohi perkembangan dan kegiatan belia di Malaysia.

"Kita sering dilihat sebagai negara contoh bukan sahaja dalam pembangunan ekonomi dan sosial tetapi juga pembangunan belia itu sendiri, yang mendapat sokongan kuat kerajaan," katanya.

Sementara itu Ali berkata pemilihan beliau merupakan pengiktirafan besar kepada Malaysia khususnya kepada MBM yang selama ini lantang memperjuangkan isu belia di pelbagai forum antarabangsa termasuk anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Sumbangan MBM melalui WAY ini sentiasa mendapat perhatian PBB contohnya melalui kelantangannya dalam persidangan PBB mengenai pembangunan sosial, mengenai bandar dan mengenai wanita," katanya.

Peranan kepimpinan belia Malaysia dalam pertubuhan belia sedunia lebih ketara apabila Sekretariat WAY dipindahkan dari Copenhagen ke Kuala Lumpur pada 1993 dan sejak itu Malaysia berperanan lebih aktif.

Pada persidangan empat hari yang berakhir semalam, Ali berkata para perwakilan WAY juga bersetuju supaya Sekretariatnya kekal di Malaysia dan seorang Setiausaha Agung Tetap dilantik berpejabat di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras,

Ali berkata para perwakilan itu kagum dengan sokongan kerajaan khususnya perhatian peribadi yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kementerian Belia dan Sukan terhadap perkembangan dan kemajuan belia di Malaysia.

Mengenai rancangannya untuk memajukan WAY, beliau berkata agenda utamanya ialah untuk meningkatkan perpaduan dan toleransi di kalangan belia di negara-negara anggota WAY melalui interaksi yang lebih kerap bagi memperjuangkan isu belia sejagat tanpa mengira batasan warna kulit, agama dan bangsa.

"Kita (WAY) juga diminta oleh perwakilan untuk membantu mencergaskan kegiatan belia di negara-negara yang mengalami konflik seperti Bosnia dan Chechnya yang mengakibatkan para belianya tertekan dan terumbang ambing," katanya.

Pada majlis itu Ali turut dianugerahkan "Pingat Kecemerlangan Belia Peru 1999" di atas kepimpinannya dalam WAY oleh Presiden Majlis Kebangsaan Belia Peru Felix Gonzalez Polar-Berenz.

-- BERNAMA

MNY LAT

